

Bayi melecur akibat salah ubat meninggal dunia

ALOR SETAR 17 Mac - Seorang bayi berusia sembilan bulan yang melecur di seluruh tubuh badannya selepas didakwa tersalah menerima ubat di sebuah klinik swasta bulan lalu, meninggal dunia hari ini.

Muhammad Nasrullah Khairul Nizam meninggal dunia pukul 1.25 pagi di Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU) Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), di sini.

Menurut bapanya, Khairul Nizam Lebai Jusoh, 41, anaknya itu dimasukkan ke PICU sejak 10 hari lalu dan dia difahamkan bahawa darah dalam badan Muhammad Nasrullah telah dijangkiti kuman.

"Kira-kira pukul 11.30 malam tadi, doktor memaklumkan yang anak saya mungkin dapat hidup dalam tempoh dua jam sahaja dan dari situ saya sudah bersedia dan reda dengan ketentuan Allah.

"Saya mungkin akan berbincang

dengan keluarga tentang keperluan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap klinik swasta tersebut kerana mungkin cara ini dapat mengelak daripada kes sama berulang kepada orang lain," katanya ketika ditemui di rumah keluarga mertuanya di Kampung Kuala Bangka, Kota Sarang Semut, di sini hari ini.

Pada 2 Mac lalu, akhbar ini melaporkan seorang bapa mendakwa sebuah klinik swasta cuai merawat penyakit ruam bayinya sehingga menyebabkan kulit di seluruh tubuh bayi tersebut melecur.

Muhammad Nasrullah dibawa ke klinik berkenaan pada 16 Februari lalu oleh ibu bapanya untuk rawatan penyakit ruam di bahagian paha dan perut.

Khairul Nizam seterusnya memberitahu, berdasarkan surat daftar kematian, Muhammad Nasrullah

meninggal dunia disebabkan 'sepsis secondary to infected severe atopic eczema'.

Isterinya, Nur Shazira Mohd. Salleh, 23, berkata, dia rasa tidak sedap hati apabila berat badan anaknya itu turun mendadak iaitu dari 9.6 kilogram (kg) kepada 6.3 kg dalam tempoh 10 hari.

Ujarnya, dua hari lalu Muhammad Nasrullah tidak dapat melepaskan mata selain keadaannya tidak bermaya dan letih.

"Saya ada juga rasa tidak sedap hati sebelum ini, tambahan pula pagi Ahad lalu dia asyik tenung sahaja saya seolah-olah macam ada benda yang nak diberitahu namun tidak menyangka dia akan tinggal kami," katanya.

Jenazah Muhammad Nasrullah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Masjid Permatang Buluh, di sini kira-kira pukul 9 pagi.



KHAIRUL Nizam Lebai Jusoh dan isteri, Nur Shazira Mohd. Salleh sebak melihat gambar menerusi telefon bimbit di rumah mertuanya di Kampung Kuala Bangka, Kota Sarang